

RESIPI ISTIMEWA UNTUK BELAJAR



**SAPORA SIPON
KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR**



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

**RESIPI ISTIMEWA
UNTUK
BELAJAR**



RESIPI ISTIMEWA UNTUK BELAJAR

SAPORA SIPON
KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR

Penerbit
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2006

Cetakan pertama 2006
© Hak cipta terpelihara Kolej Universiti Islam Malaysia 2006

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:
Fakulti Kepimpinan & Pengurusan
Kolej Universiti Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel : 06-798 8045 / Faks : 06-798 8054

Reka Letak & Urus Cetak:
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel : 03-9284 9448 / Faks : 03-9284 9105
e-mel: ampress@streamyx.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sapora Sipon

Resepi istimewa untuk belajar / Sapora Sipon, Khairunneezam Mohd Noor.

ISBN 983-2950-41-4

1. Learning, Psychology of. 2. Study skills. I. Khairunneezam Mohd Noor. II. Judul.

370.1523

Kandungan

<i>Prakata</i>	<i>vii</i>
<i>Pendahuluan</i>	<i>ix</i>
Bab 1 Pengurusan Masa	1
Pengenalan	1
Masa dan Sifat-sifatnya	3
Pandangan yang Betul Terhadap Masa	5
Peraturan dan Pengurusan Masa	8
Kaedah Menguruskan Waktu Belajar	10
Kesimpulan	16
Bibliografi	17
Bab 2 Pengurusan Masa di Kalangan Mahasiswa	19
Pengurusan Masa Berpandukan Prinsip	20
Pengurusan Masa yang Berkesan	24
Taktik Mengatasi Tabiat Melengah-lengahkan Kerja	36
Faedah Pengurusan Masa yang Lebih Baik	38
Bagaimana Mengawal Penggunaan Masa Anda	39
Bagaimana Menghapuskan Perkara yang Membazirkan Masa	41
Teknik-teknik Pengurusan Masa	45
Contoh Pengurusan Masa oleh Pelajar Universiti	
Cemerlang	50
Kesimpulan	51
Bibliografi	52

Bab 3	Kemahiran Belajar yang Efektif	55
	Konsep Belajar	55
	Sikap Minat Belajar	57
	Ruang Belajar yang Efektif	59
	Teknik-teknik dan Kemahiran Belajar	61
	Kemahiran Membaca	63
	Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kebolehan Membaca	65
	Tahap-tahap Pembacaan	69
	Masalah dalam Pembacaan	72
	Teknik-teknik Membaca	73
	Kemahiran Mendengar	83
	Kepentingan Kemahiran Mendengar	84
	Kaedah Mendengar yang Baik	85
	Kemahiran Menulis Nota	87
	Peringkat Penulisan Nota	88
	Teknik-teknik Penulisan Nota	90
	Kemahiran Mengingat	97
	Syarat-syarat untuk Ingatan Berkesan	98
	Teknik-teknik Mengingat Bahan Bacaan	101
	Kesimpulan	106
	Bibliografi	107
Bab 4	Kemahiran dan Seni Berfikir	109
	Konsep Otak, Minda dan Akal	110
	Konsep Berfikir	115
	Berfikir dan Bertindak	118
	Gaya Berfikir	119
	Kesimpulan	132
	Bibliografi	134
<i>Indeks</i>		135

Prakata

Penjelajahan dan penerokaan dalam dunia ilmu pengetahuan adalah bersifat berterusan dan pasti tiada had dan titik penamatnya hingga ke hari akhirat kelak. Allah SWT yang maha bijaksana telah menganugerahkan manusia dengan anugerah yang istimewa yang tidak dimiliki oleh makhluk-Nya yang lain, iaitu akal fikiran. Dengan akal fikiran inilah, seseorang itu diangkat menjadi khalifah Allah di muka bumi ini dan menyuburkannya dengan percambahan bidang ilmu pengetahuan yang pelbagai dan dinamik. Menyuburkan ilmu pengetahuan itu adalah melalui proses belajar. Belajar merupakan suatu usaha pembangunan diri yang menjadi kewajiban kepada semua insan di muka bumi ini.

Sejajar dengan itu, buku yang bertajuk '*Resepi Istimewa Untuk Belajar*' ini merupakan satu lagi usaha murni ahli-ahli akademik di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dalam menelusuri konsep belajar yang praktikal dan sistematik. Mereka ini tidak putus-putus untuk meneroka penulisan ilmiah yang selaras dengan bidang kepakaran dan pengalaman masing-masing yang terfokus kepada tujuan dan dasar yang sama iaitu untuk mewujudkan budaya ilmu yang menjadi pemangkin ke arah pembentukan individu siswa yang berstrategi, berpengetahuan, dan progresif. Kandungan setiap bab di dalam buku ini menterjemahkan keunggulan konsep pengurusan masa dan kemahiran belajar yang mampu membentuk keperibadian siswa yang matang, terurus dan bijak dalam bidang pengajian masing-masing.

Kepada pengarang buku ini, syabas dan tahniah diucapkan di atas kejayaan mereka menerbitkan buku ilmiah ini. Usaha mereka ini sebenarnya adalah kesinambungan kepada penjana konsep pengembangan ilmu pengetahuan yang berpaksikan Islam Hadhari yang tidak akan putus-putus disebarluaskan di kalangan masyarakat Malaysia demi kebaikan semua. Harapan agar buku ini bermanfaat dalam

membentuk melahirkan golongan siswa universiti yang seimbang dari segi perkembangan ilmu pengetahuannya dengan nilai-nilai murni peribadi yang diserlahkan melalui akhlak dan budi pekerti yang mulia dan bestari.

Prof. Datin Sri Dr. Hj. Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim
Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia

Pendahuluan

Sebagai seorang pelajar atau siswa universiti, matlamat mereka sudah tentulah untuk menggenggam segulung ijazah di akhir pengajian kelak dengan mendapat keputusan yang cemerlang dan gemilang. Kecemerlangan tersebut sudah tentulah bukan sekadar metafora yang menjadi impian dan cita-cita semata-mata. Ianya berakar umbikan kepada banyak faktor penyumbang dan penyokong yang perlu disepadukan secara bijak dan berhati-hati untuk merealisasikannya. Contohnya, pergaulan dan komunikasi yang mantap dengan rakan sekuliah dan pensyarah, fokus terhadap pelajaran yang baik, kemahiran belajar yang komprehensif, pengurusan masa yang sistematik, pemakanan yang dijaga sebaik mungkin, amal ibadah dan konsep tawakal kepada Allah SWT, dan seumpamanya. Seseorang yang memegang dan menyelak lembaran-lembaran di dalam buku ini kemungkinan besar merupakan mereka yang bercita-cita untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran mereka. Maka buku ini adalah salah satu bahan yang kalau tidak banyak, mungkin dapat sedikit memberikan panduan untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Buku ini adalah himpunan idea-idea, teknik-teknik, petua, strategi dan kaedah yang disarankan oleh para sarjana pelbagai bidang tentang kemahiran pengurusan masa, kemahiran belajar dan kemahiran berfikir yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan akademik seorang siswa mahupun untuk sesiapa sahaja yang dahagakan konteks perbincangan sebegini. Buku yang bertajuk '*Resepi Istimewa Untuk Belajar*' ini diterbitkan atas dasar bahawa siswa-siswa di menara gading kini memerlukan panduan dalam mentadbir sistem akademik mereka sehari-harian. Adakalanya seseorang siswa itu akan terkapai-kapai dalam menguruskan hal ehwal belajarnya, walhal dia memiliki potensi untuk berjaya dengan cemerlang. Akhirnya, tanpa panduan yang baik, maka hilanglah segala potensi, bakat dan kebijaksanaannya itu dengan sia-sia. Oleh itu, buku ini cuba untuk memberikan pedoman dan bimbingan

berkaitan dengan beberapa kemahiran yang perlu diketahui dan diwarisi oleh seseorang siswa. Melalui *Bab Satu: Pengurusan Masa*, seseorang siswa itu akan dapat mengetahui dan memahami apa yang dikatakan sebagai pengurusan masa, sifat-sifat masa, konsep masa, dan kaedah pengurusan masa secara umum. Dalam *Bab Dua: Pengurusan Masa Di Kalangan Mahasiswa*, seseorang siswa itu akan didedahkan secara mendalam tentang pengurusan masa yang berkesan yang boleh diamalkan mereka dalam pembelajaran. Prinsip-prinsip pengurusan masa, kaedah mengawal penggunaan masa, cara-cara mengelakkan pembaziran masa, dan sebagainya dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam bab ini.

Di dalam *Bab Tiga: Kemahiran Belajar Yang Efektif*, beberapa kemahiran belajar yang sering diaplikasikan oleh mereka yang telah berjaya dalam bidang akademik cuba dikupas. Misalannya kemahiran mendengar, kemahiran membaca, kemahiran mencatat nota, kemahiran mengingat dan sebagainya diperbincangkan secara mendalam sebagai panduan kepada siswa. Dan akhirnya melalui *Bab 4: Kemahiran Dan Seni Berfikir* seseorang siswa diajak untuk menelusuri daya dan kemampuan seorang manusia untuk berfikir. Konsep otak, minda dan akal dikupas dan dibezakan antara satu sama lain. Beberapa kaedah dan gaya berfikir turut digagaskan sebagai panduan untuk seseorang siswa mengaplikasikannya dalam sebarang situasi belajar yang kadang kala mudah dan ada juga keadaannya yang menyukarkan.

Demikianlah pengenalan serba ringkas berkaitan dengan keseluruhan konsep yang cuba diutarakan di dalam buku '*Resepi Istimewa Untuk Belajar*' ini. Sebagai cahaya apabila gelap pekat menyelubungi, sebagai dakwat ketika tinta mahu mencoretkan perkataan di atas kertas, sebagai peta apabila tersesat di haluan, sebagai pendayung apabila sampan mahu mudik ke muara, begitulah analoginya harapan pengarang terhadap buku ini. Semoga buku ini berupaya dalam memberikan panduan kepada pelajar untuk memahami bahawa belajar memerlukan seseorang untuk tahu konsep, strategi dan kaedah yang tepat demi memastikan usaha pembelajaran mereka tidaklah sia-sia sahaja.

Jutaan penghargaan dan ucapan terima kasih buat Yang Berbahagia Profesor Datin Seri Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Dekan

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan semua warga akademik Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan di atas kerjasama dan galakan yang diberikan sepanjang proses penyempurnaan buku ini. Ucapan penghargaan yang tidak terhingga juga untuk Encik Shah Rollah Abdul Wahab, pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia yang sudi menjadi pewasit bagi menilai dan menambahbaikkan lagi kualiti buku ini.

'Resepi Istimewa Untuk Belajar'

Sapora Sipon

Khairunneezam Mohd Noor

RESIPI ISTIMEWA UNTUK BELAJAR

Sebagai seorang pelajar atau siswa universiti, matlamat mereka sudah tentulah untuk menggenggam segulung ijazah di akhir pengajian kelak dengan mendapat keputusan yang cemerlang dan gemilang. Kecemerlangan tersebut sudah tentulah bukan sekadar metafora yang menjadi impian dan cita-cita semata-mata. Ianya berakar umbikan kepada banyak faktor penyumbang dan penyokong yang perlu disepadukan secara bijak dan berhati-hati untuk merealisasikan. Seseorang yang memegang dan menyelak lembaran-lembaran di dalam buku ini kemungkinan besar merupakan mereka yang bercita-cita untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran mereka. Maka buku ini adalah salah satu bahan yang kalau tidak banyak, mungkin dapat sedikit memberikan panduan untuk mencapai kejayaan dalam pelajaran.

Buku ini adalah himpunan idea-idea, petua, strategi dan kaedah yang disarankan oleh para sarjana pelbagai bidang tentang kemahiran pengurusan masa, kemahiran belajar dan kemahiran berfikir yang perlu dipraktikkan dalam kehidupan akademik seorang siswa mahupun untuk sesiapa sahaja yang dahagakan konteks perbincangan sebegini. Adakalanya seseorang siswa itu akan terkapai-kepai dalam menguruskan hal ehwal belajarnya, walhal dia memiliki potensi untuk berjaya dengan cemerlang. Akhirnya, tanpa panduan yang baik, maka hilanglah segala potensi, bakat dan kebijaksanaannya itu dengan sia-sia. Sebagai cahaya apabila gelap pekat menyelubungi, sebagai peta apabila tersesat di haluan, sebagai pendayung apabila sampan mahu mudik ke muara, begitulah analogi harapan pengarang terhadap buku ini. Semoga buku ini berupaya dalam memberikan panduan kepada pelajar untuk memahami bahawa belajar memerlukan seseorang untuk tahu konsep, strategi dan kaedah yang tepat demi memastikan usaha pembelajaran mereka tidaklah sia-sia.

SAPORA SIPON, MA (Counseling) (UK Malaysia), PG. Dip (Counseling) (UK Malaysia), ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia. **KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR**, M.Sc. HRD (Universiti Teknologi Malaysia), ialah tutor di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Kolej Universiti Islam Malaysia. Akan melanjutkan pengajian di peringkat PhD di La Trobe University, Melbourne pada awal 2007.

ISBN 983-2950-41-4



9 789832 950417